

14 MAR 2004

Pilihan raya-manifesto

ABDULLAH LANCAR MANIFESTO BN "CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG"

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) yang menjanjikan sebuah negara yang "Cemerlang, Gemilang, Terbilang" bagi menghadapi pilihan raya umum 21 Mac ini.

Manifesto itu mencakupi perkara-perkara daripada ekonomi kepada pembangunan seimbang, pendidikan, agama, pembangunan sahsiah, akhlak dan nilai-nilai etika, undang-undang dan keselamatan awam, perkhidmatan awam dan dasar luar negara.

"Barisan Nasional tidak pernah berpuas hati dengan sekadar bergantung kepada rekod cemerlang. Kita sering mencari jalan untuk memperbaharui dan memperbaiki," kata Abdullah dalam manifesto itu yang dilancarkan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Endon Mahmood, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dan presiden parti-parti komponen BN yang lain.

Sambil meminta rakyat yakin kepada BN, Abdullah berkata BN mempunyai wawasan, perancangan dan daya pelaksanaan untuk memimpin negara dalam dunia yang semakin mencabar.

"Kami bertekad membangunkan negara secara menyeluruh dan seimbang berlandaskan pentadbiran, pengurusan, perkhidmatan malah pemikiran 'kelas pertama' serta sahsiah yang mulia di kalangan semua rakyat Malaysia," kata Abdullah, yang pertama kali mengetuai BN dalam pilihan raya umum sejak mengambil-alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

"Lonjakan pembangunan baru ini, selain memberi makna kepada kejayaan-kejayaan yang sudah kita kecapai, sebenarnya mampu membawa negara tercinta kita menjadi lebih CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG," kata

Abdullah,
yang juga Pengerusi BN dan pemangku presiden Umno.

Sebanyak tiga juta salinan dalam tujuh versi -- bahasa Melayu dalam rumi dan jawi, bahasa Inggeris, Cina, India dan untuk bacaan Bumiputera di Sabah dan Sarawak dalam bahasa Kadazan dan Iban -- telah dicetak, menurut Setiausaha Agung BN Tan Sri Khalil Yaakob.

Setelah berakhirnya penamaan calon semalam, BN akan bertanding di semua 205 kerusi Parlimen dan 497 kerusi dewan undangan negeri yang masih menjadi rebutan.

Gabungan 14 komponen itu sudahpun memenangi 14 kerusi Parlimen dan tujuh kerusi negeri tanpa bertanding manakala Pas meraih satu kerusi negeri di Johor tanpa bertanding.

Seramai 10.28 juta rakyat Malaysia layak mengundi pada 21 Mac ini.

-- BERNAMA
AZZ AZZ KHY MAI